

07 JULAI 2017

Kawalan sempadan diperketat

BH Jumaat, 7 Julai 2017 Ms.15

ISU

SUSULAN BH BONGKAR KELANTAN LUBUK PIL KUDA

Kawalan sempadan diperketat

➔ Ketua Polis Kelantan akui mudah dibolosi penyeludup

Kota Bharu

Polis Kelantan akan mengambil beberapa pendekatan termasuk memperketat kawalan di kawasan sempadan bagi mengelak dibolosi penyeludup.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Hasanuddin Hassan, berkata pada masa sama kerjasama dengan pasukan lain bagi mengawal sempadan akan dipertingkatkan.

Hasanuddin turut mengakui sempadan Malaysia-Thailand masih longgar dan mudah dibolosi penyeludup berikutan kewujudan pangkalan haram terlalu banyak.

Mengadakan mesyuarat

"Perangi dadah antara ikrar saya selaku Ketua Polis Kelantan yang baru. Kita juga akan mengadakan mesyuarat dengan pasukan keselamatan lain diketuai Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi membincangkan perkara ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan tinjauan di sempadan susulan laporan pendedahan BH mengenai kewujudan 128 pangkalan haram di sepanjang 90 kilometer Sungai Golok yang digunakan secara aktif bagi menyeludup dadah terutama pil kuda.

Mengulas lanjut, Hasanuddin berkata, sepanjang enam bulan pertama tahun ini, 8,934 tangkapan dilakukan berhubung kesalahan dadah berbanding tempoh sama tahun lalu, 8,737 tangkapan.

"Nilai rampasan pula mencecah RM5.6 juta," katanya.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, taktik licik seorang ibu dan tiga anaknya berusia 20 hingga 59 tahun menanam pil kuda dan syabu di halaman rumah sebelum dijual kepada pelanggan, ditumpas menerusi serbuan di sebuah rumah di Kampung Hutan Jambu, Palekbang, Tumpat, jam 3.30 pagi semalam.

Hasil serbuan pihaknya turut merampas 1,000 biji pil kuda dan 41.8 gram syabu bernilai lebih RM17,000.

"Kita percaya bahan itu dibawa masuk dari Thailand sebelum ditanam sementara menyerahkan pil kuda itu kepada pelanggan," katanya pada sidang media di Markas Operasi Pasukan Polis Marin, Pengkalan Kubor, semalam.

[FOTO BERNAMA]



Hasanuddin (kanan) meninjau kawasan Pos Pulau pada lawatan ke Pengkalan haram Rantau Panjang dan Pasir Mas di Pangkalan Tanjung, semalam.